

Glemont

Montelukast Sodium (chewable tablets 4mg & 5mg, tablets 10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Glemont
2. Bagaimana Glemont berfungsi
3. Sebelum menggunakan Glemont
4. Cara menggunakan Glemont
5. Semasa menggunakan Glemont
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Glemont
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Glemont

Glemont digunakan untuk:

- Asma (lelah), termasuklah mencegah simptom asma anda pada waktu siang dan malam. Glemont juga menghalang penyempitan salur udara yang dicituskan oleh senaman.
- Rinitis alergi (bermusim dan perenial), termasuk simptom pada waktu siang dan malam: hidung tersumbat, hidung berhingus, hidung gatal, dan bersin; hidung tersumbat apabila bangun daripada tidur, sukar tidur, dan terjaga pada waktu malam; mata berair, gatal, merah, dan bengkak.

Bagaimana Glemont berfungsi

Glemont ialah sejenis antagonis reseptor leukotrien yang menyekat bahan-bahan yang digelar leukotrien. Leukotrien menyebabkan salur udara di dalam paru-paru menjadi sempit dan bengkak. Menyekat leukotrien dapat memulihkan simptom asma dan membantu mencegah serangan asma. Leukotrien juga menyebabkan simptom alergi. Menyekat leukotrien dapat memulihkan rinitis alergi (bermusim dan perenial, juga digelar alergi hidung di dalam dan di luar rumah).

Sebelum menggunakan Glemont

- Bila tidak boleh menggunakan
Jangan mengambil ubat ini jika anda alah terhadap sebarang bahan kandungan lain untuk ubat ini.
- Sebelum mula mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda mula menggunakan produk ini

Penggunaan oleh kanak-kanak
Bagi kanak-kanak yang berusia antara 6 hingga 14 tahun, Glemont CT 5 mg boleh didapati.

Bagi kanak-kanak yang berusia antara 2 hingga 5 tahun, Glemont CT 4 mg boleh didapati.

Penggunaan semasa hamil
Wanita yang hamil atau yang bercadang untuk menjadi hamil haruslah meminta nasihat doktor sebelum mengambil Glemont.

Penggunaan semasa menyusukan anak dengan susu badan
Tidak diketahui sama ada Glemont dikeluarkan melalui susu badan. Anda haruslah berbincang dengan doktor sebelum mengambil Glemont jika anda sedang atau bercadang untuk menyusukan anak dengan susu badan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain
Pada amnya, Glemont tidak menjejaskan ubat lain yang mungkin sedang anda ambil atau yang mungkin sedang diambil oleh anak anda. Walau bagaimanapun, sesetengah jenis ubat boleh menjejaskan tindakan Glemont, atau Glemont boleh menjejaskan tindakan ubat lain. Penting bahawa anda memberitahu doktor tentang semua ubat yang sedang ataupun yang akan anda ambil, atau yang sedang ataupun yang akan diambil oleh anak anda, termasuklah ubat yang diperoleh tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Glemont

- Berapa banyak harus digunakan
Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.
- Bila perlu digunakan
Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan
Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.
- Jika terlupa menggunakan
Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)
Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan.

Semasa menggunakan Glemont

- Perkara yang perlu dilakukan
Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Glemont.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Glemont dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian
Memandu dan menggunakan jentera

Glemont tidak dijangka akan menjejaskan keupayaan anda memandu kereta atau mengendalikan jentera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Glemont boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan yang paling lazim dilaporkan ialah sakit pada bahagian abdomen, sakit kepala, rasa dahaga, cirit-birit, hiperaktiviti, asma, kulit bersisik dan gatal, dan ruam.

Sila segera lapor kepada doktor anda sekiranya anda mendapati mana-mana perubahan dari segi tingkah laku dan perubahan yang berkaitan dengan mood:

- Gejala *Obsessive-compulsive*
- Selain itu, kesan sampingan yang berikut pernah dilaporkan:
- jangkitan bahagian atas sistem pernafasan
- lebih mudah berdarah, kiraan platelet darah yang rendah
- tindak balas alergi [seperti bengkak-bengkak pada muka, bibir, lidah dan/atau tekak (yang boleh menyebabkan kesukaran untuk bernafas atau menelan), gegatal, ruam, dan gatal-gatal]
- perubahan tingkah laku dan ragam angin [kegelisahan, termasuklah kelakuan yang agresif atau berseteru, kemurungan, disorientasi, gangguan perhatian, mimpi yang abnormal, cepat marah, kemerosotan ingatan, simptom obsesif dan kompulsif, kegelisahan, berjalan semasa tidur, gagap, fikiran dan tindakan yang membayangkan niat untuk membunuh diri, terketar-ketar, gerakan otot yang tidak terkawal]
- pening, mengantuk, kesemutan/kebas dan sawan, tetapi sawan jarang-jarang sekali berlaku
- palpitasi (debaran jantung)
- hidung berdarah; paru-paru yang bengkak (radang)
- cirit-birit, dispepsia, loya, muntahmuntah
- hepatitis
- lebam, tindak balas kulit yang teruk (eritema multiforme) yang boleh berlaku tanpa amaran
- sengal, lenguh otot dan kejang otot
- kanak-kanak terkencing semasa tidur
- lemah/lesu
- bengkak
- demam

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan Glemont

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 30°C. Lindungi dari kelembapan dan cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

IR 10mg: Bulat, berwarna kuning air, tablet bersalut filem sewaktu dua, terukir 'G' di sebelah dan '392' di sebelah lain.

CT 5mg: Bulat, berwarna putih atau putih pucat, tablet tidak bersalut sewaktu dua, terukir 'G' di sebelah dan '391' di sebelah lain.

CT 4mg: Bulat, berwarna putih atau putih pucat, tablet tidak bersalut sewaktu dua, terukir 'G' di sebelah dan '390' di sebelah lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Montelukast Sodium

- Bahan tidak aktif
IR 10mg: Microcrystalline cellulose (Avicel PH 101), Latose

Monohydrate (Pharmatose 200M), Croscarmellose Sodium, Hydroxypropyl Cellulose (Klucel EXF), Magnesium Stearate, Opadry Yellow, Purified water.

CT 5mg & CT 4mg: Mannitol, Microcrystalline cellulose (Avicel PH 101), Croscarmellose Sodium, Hydroxypropyl Cellulose (Klucel EXF), Aspartame, Cherry Flavor, Magnesium Stearate, Purified water.

- Nombor MAL

Glemont IR Tablets 10mg:

MAL10120031AZ

Glemont CT 5 Chewable Tablet:

MAL10120028AZ

Glemont CT 4 Chewable Tablet:

MAL10120027AZ

Pengilang

Glenmark Pharmaceuticals LTD
B/2, Mahalaxmi Chambers, 22
Bhulabhai Desai Road, Mumbai - 400
026, India.
AT: Plot No. S-7, Colvate Industrial
Estate, Colvate, Bardez, Goa - 403 513

Pemegang Pendaftaran Produk

Glenmark Pharmaceuticals (Malaysia)
Sdn Bhd (660397-W)
D-31-02, Menara Suezcap 1,
No. 2, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala
Lumpur, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

20/04/2021

Nombor Serial
NPRA(R2/2)210402/651